

Bil. S 34

PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA, 2006
(S 9/06)

PERATURAN-PERATURAN
KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (LEMBAGA PELAWAT), 2010

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Tafsiran.
 3. Keahlian Lembaga.
 4. Pengerusi.
 5. Naib Pengerusi.
 6. Setiausaha.
 7. Tempoh memegang jawatan bagi ahli.
 8. Mesyuarat.
 9. Kehadiran pengurus dan kakitangan sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan dll. dalam mesyuarat Lembaga.
 10. Kewajipan-kewajipan ahli Lembaga.
 11. Kecacatan dalam pentadbiran.
 12. Aktiviti.
 13. Pengurus sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, dll. hendaklah membantu ahli-ahli Lembaga.
-

**PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA, 2006
(S 9/06)**

**PERATURAN-PERATURAN
KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (LEMBAGA PELAWAT), 2010**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 102 dari Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006, maka Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Lembaga Pelawat), 2010 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Lembaga" bermakna suatu lembaga yang dilantik di bawah bab 75(1) dari Perintah itu;

"residen" bermakna mana-mana kanak-kanak atau orang muda yang pada masa itu ditahan di bawah Perintah itu di sesebuah sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan.

Keahlian Lembaga.

3. (1) Setiap Lembaga hendaklah mengandungi —

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Naib Pengerusi; dan

(c) sebilangan ahli-ahli lain sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Menteri.

(2) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli-ahli setiap Lembaga hendaklah menjadi penama bagi Pengarah.

(3) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan lantikan mana-mana ahli Lembaga.

Pengerusi.

4. (1) Menteri hendaklah melantik salah seorang ahli untuk menjadi Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat.

Naib Pengerusi.

5. (1) Naib Pengerusi hendaklah dipilih oleh Lembaga daripada kalangan ahli-ahlinya.

(2) Semasa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat Lembaga dan boleh menjalankan semua kuasa dan tugas Pengerusi.

Setiausaha.

6. Pengarah hendaklah melantik seorang setiausaha kepada setiap Lembaga, kecuali bahawa orang yang dilantik itu tidak boleh —

(a) menjadi ahli Lembaga; atau

(b) mengundi dalam sebarang prosiding Lembaga.

Tempoh memegang jawatan bagi ahli.

7. (1) Tiap-tiap ahli hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun dari tarikh lantikannya dan layak untuk dilantik semula apabila tamatnya tempoh itu, melainkan jika —

(a) dia meletakkan jawatan dalam tempohnya memegang jawatan; atau

(b) lantikannya dibatalkan oleh Menteri di bawah peraturan 3(3).

(2) Mana-mana ahli boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada Menteri.

(3) Jika seseorang ahli itu mati, meletakkan jawatan, lantikannya dibatalkan oleh Menteri di bawah peraturan 3(3) atau pun selainnya mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh lantikannya, Menteri boleh

melantik mana-mana orang lain untuk mengisikan kekosongan itu bagi tempoh lantikan yang sepatutnya dipegang oleh orang yang digantikannya itu.

(4) Lembaga tidak boleh dihalang dari mengadakan sesuatu mesyuarat atau bertindak dalam apa-apa perkara hanya kerana sebarang kekosongan dalam keahliannya.

Mesyuarat.

8. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki, tetapi dalam sebarang hal, Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 2 bulan.

(2) Korum dalam setiap mesyuarat Lembaga adalah dua pertiga daripada ahli-ahlinya.

(3) Tiada apa-apa urusan Lembaga boleh dijalankan dalam sebarang mesyuarat melainkan jika korum hadir.

(4) Setiap persoalan yang dibawa ke atau timbul dalam sebarang mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan kelebihan suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat itu dan, dan sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi atau, semasa ketiadaannya, Naib Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Kehadiran pengurus dan kakitangan sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan dll. dalam mesyuarat Lembaga.

9. Pengurus dan ahli-ahli kakitangan sesebuah sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan hendaklah menghadiri sebarang mesyuarat yang diadakan oleh Lembaga yang dilantik berkaitan dengan sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan itu jika dikehendaki oleh Lembaga untuk berbuat demikian.

Kewajipan-kewajipan ahli Lembaga.

10. (1) Tidak kurang daripada 2 orang ahli setiap Lembaga hendaklah membuat lawatan bersama sekurang-kurangnya sekali dalam 2 bulan tiap-tiap sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan yang berkaitan dengannya Lembaga itu dilantik.

(2) Mana-mana ahli boleh, apabila difikirkannya patut, memasuki sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau

tempat keselamatan yang berkaitan dengannya Lembaga itu dilantik dan meneliti syarat-syaratnya bagi —

(a) memastikan, setakat mana yang boleh, sama ada peruntukan-peruntukan Perintah itu dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya yang mengawal sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan dipatuhi, dan hendaklah menarik perhatian pengurus sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan kepada sebarang salah aturan yang mungkin dilakukan dalam pengurusannya atau layanan residen-residen di dalamnya; dan

(b) mendengar sebarang aduan yang ingin dibuat oleh mana-mana residen.

(3) Mana-mana ahli boleh merekodkan sebarang pemerhatian sebagaimana yang difikirkannya patut dalam buku yang disimpan bagi tujuan itu oleh pengurus sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan yang berkaitan dengannya Lembaga itu dilantik.

(4) Setiap Lembaga hendaklah menghantar kepada Pengarah apa-apa ulasan atau sokongan yang mungkin dibuatnya berhubung dengan sesebuah sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan yang berkaitan dengannya Lembaga itu dilantik.

(5) Setelah menerima apa-apa ulasan atau sokongan daripada mana-mana Lembaga menurut peraturan kecil (4), Pengarah hendaklah mengambil tindakan sebagaimana yang mungkin perlu, dan melaporkan kepada Lembaga itu dengan seberapa segera yang boleh apa-apa tindakan yang telah diambil olehnya.

Kecacatan dalam pentadbiran.

11. Lembaga hendaklah membawa ke pengetahuan Pengarah sebarang kecacatan dalam pentadbiran sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan, sebarang pengabaian berhubung dengan kebajikan mana-mana kanak-kanak atau sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan Peraturan-Peraturan ini dan sebarang peraturan lain yang dibuat di bawah Perintah itu.

Aktiviti.

12. (1) Lembaga boleh memberitahu aktiviti-aktiviti yang mungkin sesuai bagi kanak-kanak di sesebuah sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan mengikut umur dan perkembangan mereka, dan boleh membuat sokongan dan membantu Pengarah —

(a) dalam menempatkan kanak-kanak dengan keluarga angkat yang sesuai; atau

(b) dalam mendapatkan latihan atau pekerjaan yang sesuai bagi kanak-kanak.

Pengurus sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, dll. hendaklah membantu ahli-ahli Lembaga.

13. Tiap-tiap pengurus hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu mana-mana ahli Lembaga yang dilantik berkaitan dengan sesebuah sekolah yang diluluskan, rumah yang diluluskan, rumah tahanan, tempat tahanan atau tempat keselamatan pada menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah itu atau Peraturan-Peraturan ini.

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 25 haribulan Februari, 2010.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN DATO SERI SETIA
DR. AWANG HAJI AHMAD BIN HAJI JUMAT
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.